

# Topik 3

# *Qawa'id Berkaitan Muamalat*

---

**KURSUS SIJIL TINGGI MUAMALAT (ASAS)**  
**Institut Latihan Islam Malaysia**

8 Mac 2011

**Azizi Che Seman**  
[azizi@um.edu.my](mailto:azizi@um.edu.my)  
[azizics@gmail.com](mailto:azizics@gmail.com)

**Jabatan Syariah dan Ekonomi  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya**



# Sinopsis

- Tajuk ini membincangkan secara khusus mengenai beberapa Kaedah Fiqh yang berkaitan hukum Muamalat
- Peserta juga akan didedahkan dengan definisi, sumber asal kaedah dan bentuk aplikasi semasa
- Selain itu, peserta dapat mengenal pasti kaedah yang tepat serta pemakaianya dalam kewangan Islam



# Objektif

- Di akhir topik ini, peserta akan dapat :
  - Memahami Kaedah Fiqh yang berkaitan dengan Muamalat
  - Menyenaraikan empat Kaedah Fiqh berkaitan Muamalat
  - Mengenal pasti Kaedah Fiqh berkaitan Muamalat yang digunakan dalam aplikasi semasa



# *Qawa'id Berkaitan Muamalat*

- كل قرض جر نفعا فهو ربا
  - المسلمين عند شروطهم
  - الغنم بالغرم
  - الأصل في الأشياء الإباحة

# الأصل في الأشياء إلا بآحة

- Maksud: Asal sesuatu adalah harus
- Kaedah asal hukum sesuatu adalah harus sehingga ada dalil menunjukkan pengharamannya



# Dalil

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالْطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هَيْ لِلَّذِينَ إِيمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كَذَلِكَ نُفَضِّلُ  
الْأَيَّتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ



al-A'raf (7:32)

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah Yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda Yang baik lagi halal dari rezeki Yang dikurniakanNya?" katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang Yang beriman (dan juga Yang tidak beriman) Dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang Yang beriman sahaja) pada hari kiamat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang Yang (mahu) mengetahui



# Dalil

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الْطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ  
حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ  
مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا أَتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصَنِينَ غَيْرُ مُسَفِّحِينَ وَلَا مُتَّخِذِي  
أَخْدَانٍ وَمَن يَكْفُرُ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبَطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ

الْخَسِيرِينَ

al-Maidah (5:5)

Pada masa ini Dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) Yang lazat-lazat serta baik-baik. dan makanan (sembelihan) orang-orang Yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka). dan (dihalalkan kamu berkahwin) Dengan perempuan-perempuan Yang menjaga kehormatannya - di antara perempuan-perempuan Yang beriman, dan juga perempuan-perempuan Yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang Yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka maskahwinnya, sedang kamu (dengan cara Yang demikian), bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. dan sesiapa Yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, maka Sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang Yang rugi



# Hadith

ما أحل الله في كتابه فهو حلال و ما حرم فهو حرام وما سكت عنه فهو عفو فاقبوا من الله عافيته فان الله لم يكن لينس شيئا ثم تلى (وما كان رب نسيانا)

Yang halal itu ialah apa yang dihalalkan Allah di dalam kitabNya (al-Quran), yang haram juga apa yang diharamkan Allah dalam kitabNya (al-Quran). Apa yang didiamkan atau tidak disebutkan, ia perkara yang dimaafkan. Maka terimalah keampunan Allah itu. Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali akan lupa kepada sesuatu pun

## *Riwayat al-Tirmidhi*



# Aplikasi

- Manusia boleh mewujudkan transaksi baru
- Sesuai dengan sifat interaksi manusia
- Berbeza dengan ibadat
  - hukum asal: haram



- Keharusan tidak bererti mana-mana transaksi baru dibiarkan begitu sahaja tanpa merujuk hukumnya kepada pakar



# کل قرض جر نفعا فهو ربا

- Maksud: Semua hutang pinjaman yang mempunyai manfaat adalah riba
- Sebarang manfaat yang terhasil daripada pemberian hutang pinjaman yang disyaratkan dalam akad adalah riba



# Dalil

کل قرض جر نفعا فهو ربا

*Setiap pinjaman yang berlaku (ada)  
manfaat maka ia adalah riba*

Riwayat al-Harith bin Usamah dari hadith ‘Ali

- \*Hadis ini walaupun *dhaif*, tetapi para ulama sepakat (*ijma’*) beramal dengan kehendak dan maksudnya



# Aplikasi

- Jika seseorang memberi pinjaman wang, selepas tamat tempoh pinjaman disyaratkan bayaran lebih daripada pinjaman asal



- Contoh: Pinjaman Along, Pinjaman di bank konvensional dan sebagainya.
- Jika penghutang membayar hutang dengan tambahan wang secara sukarela ia dianggap hibah.



# الغنم بالغرم

- Maksud: Keuntungan/faedah yang diperolehi adalah dengan sebab risiko yang ditanggung
- Sesiapa yang memperolehi faedah atau keuntungan dari sesuatu perkara, maka dia juga akan menanggung kerosakan atau mudaratnya



# Hadith

أن رجلا ابْتَاعَ عَبْدًا، فَأَقْامَ عِنْدَهُ مَا شاءَ اللَّهُ أَنْ يَقِيمَ، ثُمَّ وُجِدَ بِهِ عِيْبًا،  
فَخَاصَّمَهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؛ فَرَدَهُ عَلَيْهِ، فَقَالَ الرَّجُلُ: يَا  
رَسُولَ اللَّهِ، قَدْ اسْتَعْمَلْتَ غَلَامًا. فَقَالَ: الْخَرَاجُ بِالضَّمَانِ

*Seorang lelaki telah membeli seorang hamba. Hamba tersebut telah berada bersama lelaki itu beberapa lama. Kemudian lelaki itu mendapati bahawa terdapat kecacatan pada hamba berkenaan. Beliau mengadu kepada Nabi s.a.w. Nabi memutuskan supaya hamba itu dipulangkan kepada penjual (dengan pemulangan semula harga belian). Penjual itu berkata: Wahai Rasulullah, dia telah menggunakan hamba saya. Baginda bersabda:*

بالضمان



# Aplikasi

- Perniagaan yang melibatkan perkongsian mesti diikuti penerangan tentang pulangan keuntungan atau kerugian
- Berapa nisbah keuntungan dan kerugian yang akan ditanggung oleh pihak yang berkenaan



# Aplikasi

- Kebiasaan peniaga mengharapkan pulangan tinggi apabila dia sanggup menempuh risiko

# Aplikasi

- Contoh
    - Sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap
      - Swiss Cash Mutual Fund dan lain-lain
      - Haram
      - Mengandungi unsur riba dan Gharar



# المعروف عرفًا كالمشروط شرطًا

- Maksud: Apa yang menjadi kebiasaan menurut *'uruf* sama seperti apa yang disyaratkan



# Hadith

المسلمون على شروطهم إلا شرطاً أحل حراماً أو حرم حلاً

*Orang Islam terikat dengan syarat mereka  
kecuali syarat yang menghalalkan yang  
haram atau mengharamkan yang halal*

*Riwayat al-Tirmidhi*



# Aplikasi

- Akad sewaan
  - Penyewa kereta hanya mempunyai hak menggunakan kereta sewa sekadar kegunaan biasa. Jika dia ingin menggunakannya untuk tujuan lain hendaklah dimaklumkan semasa akad berlaku
  - Kaedah pembayaran sewa - berdasarkan ‘uruf



- Akad jual beli
    - Jual beli secara *mu‘atah*
    - Kaedah pembayaran

Tamat

# *Qawa'id Berkaitan Muamalat*



# Topik 4

# Prinsip-prinsip Asas

# Muamalat:

# Teori Harta dan Pemilikan

---

**KURSUS SIJIL TINGGI MUAMALAT (ASAS)**  
**Institut Latihan Islam Malaysia**

8 Mac 2011

**Azizi Che Seman**  
[azizi@um.edu.my](mailto:azizi@um.edu.my)  
[azizics@gmail.com](mailto:azizics@gmail.com)

Jabatan Syariah dan Ekonomi  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya



# Sinopsis

- Tajuk ini membincangkan teori harta serta teori pemilikan yang menjadi asas kepada pemahaman Muamalat
- Peserta akan didedahkan dengan definisi, jenis-jenis harta serta pemilikan dalam Islam
- Di samping itu, aplikasi konsep harta dan pemilikan dalam Muamalat juga turut dibincangkan



# Objektif

- Di akhir topik ini, peserta akan dapat:
  - Memahami prinsip-prinsip asas muamalat
  - Menghuraikan konsep harta dan pemilikan
  - Membincangkan jenis-jenis harta dan pemilikan
  - Menerangkan contoh aplikasi konsep harta dan konsep pemilikan dalam Muamalat



# Prinsip-prinsip Asas Muamalat

- Harta milik Allah
- Manusia sebagai khalifah
- Asal dalam Muamalat adalah harus sehingga ada dalil yang mengharamkan



# Prinsip-prinsip Asas Muamalat: Asal dalam Muamalat adalah harus

- Asal dalam Muamalat adalah harus sehingga ada dalil yang mengharamkan



# Teori Harta

- Definisi harta (المال)
    - Sesuatu yang mempunyai nilai serta boleh dimiliki menurut pandangan Islam

# Kategori Harta

Kebolehalihan

- Harta tak alih (عقار)
- Harta alih (منقول)

Keserupaan

- Harta serupa (مثلي)
- Harta senilai (قيمي)

Nilai Syara'

- Harta bernilai (مال متقوم)
- Harta tidak bernilai (مال غير متقوم)



# Kebolehalihan

Harta Tak Alih  
(العقار)

Harta yang jika dipindahkan menyebabkan bentuk asalnya berubah

Harta Alih  
(المنقول)

Sesuatu yang boleh dipindah dari satu tempat ke satu tempat lain tanpa merosakkan atau mengubah bentuk atau sifat asalnya



# Aplikasi



# Kategori Harta



# Aplikasi

## Ganti rugi kerosakan

- Mithli diganti dengan mithli
- Qimi dibayar nilai

## Harta Serupa & Senilai

### Riba

- Mithli: berlaku riba jika kaedah tukaran tidak dipatuhi
- Qimi: tidak berlaku riba

### Keluar dari perkongsian

- Qimi: persetujuan semua rakan kongsi
- Mithli: tidak perlu persetujuan semua



# Kategori Harta

## Nilai Syara'

Harta Bernilai  
(المتقوم)

harta yang diiktiraf  
pemilikannya oleh  
syara' bagi  
pemiliknya

Harta Tidak Bernilai  
(غير المتقوم)

harta yang tidak  
diiktiraf  
pemilikannya oleh  
syara'



# Aplikasi

## Akad

- Hanya boleh dilakukan ke atas harta bernilai

Harta  
Bernilai  
& Tidak  
Bernilai

## Ganti Rugi Kerosakan

- Hanya ke atas harta bernilai



# Teori Pemilikan (الملك)

- Definisi 1:
  - Penguasaan atas sesuatu dan dia berhak untuk menggunakan nya kecuali ada dalil larangan
- Definisi 2:
  - Hubungan syar'i antara seseorang dengan sesuatu benda
  - Hubungan itu menyebabkan dia mempunyai keistimewaan yang dapat menghalang orang lain daripada memiliki benda tersebut
  - Dia juga berkuasa menguruskan harta tersebut sepenuhnya jika dia berkelayakan untuk berbuat demikian dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syara'



# Jenis Pemilikan

## Jenis Pemilikan

Pemilikan Sempurna  
(الملك التام)

Pemilikan Tidak  
Sempurna  
(الملك غير التام)

Pemilikan ke atas kedua-dua ayn dan manfaat

Pemilikan ke atas salah satu daripada ayn atau manfaat



# Pemilikan Tidak Sempurna

Pemilikan Tidak Sempurna  
(الملك غير التام)

Memiliki manfaat sahaja

Memiliki zat sahaja

Hak menggunakan secara terbuka

Penyewa rumah

Pemilik rumah sewa

Jalan raya dan kemudahan awam lain



# Kaedah Pemilikan



# Aplikasi

- Pemilik tanah tidak boleh menjual tanahnya yang sedang diusahakan oleh penyewa (milik tidak sempurna) kecuali mendapat persetujuan penyewa



Tamat

# Teori Harta dan Pemilikan



# Topik 5

# Prinsip-prinsip Asas

# Muamalat:

# Teori Hak dan Kelayakan

**KURSUS SIJIL TINGGI MUAMALAT (ASAS)**  
**Institut Latihan Islam Malaysia**

8 Mac 2011

**Azizi Che Seman**  
[azizi@um.edu.my](mailto:azizi@um.edu.my)  
[azizics@gmail.com](mailto:azizics@gmail.com)

**Jabatan Syariah dan Ekonomi  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya**



# Sinopsis

- Tajuk ini membincangkan teori hak serta teori kelayakan yang menjadi perkara asas dalam menentukan kesahan sesuatu akad dalam muamalat
- Peserta akan didedahkan dengan definisi, jenis-jenis, konsep serta perbezaan pendapat fuqaha mengenai teori hak dan kelayakan
- Di samping itu, perkara-perkara yang menjadi halangan dalam kelayakan bermuamalat menurut Islam turut dibincangkan



# Objektif

- Di akhir topik ini, peserta akan dapat:
  - Memahami konsep hak dan kelayakan dalam Islam
  - Menerangkan kedudukan hak dalam menentukan status kesahan sesuatu akad
  - Membincangkan perkara-perkara yang menjadi halangan dalam kelayakan



# Hak

- kepentingan yang ada pada individu atau masyarakat yang diakui oleh syarak



# Hak Dalam Islam

Hak  
Hamba

Hak Allah



# Hak Allah

حق الله

Kewangan

Bukan  
Kewangan

Zakat, Fidyah  
dan lain-lain.

Solat, Puasa  
dan lain-lain



# Hak Manusia

حق العبد

Kewangan

Bukan  
Kewangan

Upah, Hutang, Hak  
Penjual, Hak  
Pembeli dan lain-  
lain

Bayaran gantirugi

Berjiran, *Syuf'ah*  
dan lain-lain



# Teori Ahliyyah (Kapasiti/Kelayakan)

- Kelayakan = keupayaan dan kebolehan



# Kelayakan Menerima

## (أهلية الوجوب)

- Kelayakan menerima segala hak dan tanggungjawab syara’
  - Seseorang itu sudah boleh menerima segala hak yang diperuntukkan oleh syara’ kepadanya dan dipertanggungjawabkan segala tanggungjawab syara’ ke atasnya
  - Asas = kehidupan



# Kelayakan Melaksana (أهلية الأداء)

- Keupayaan seseorang untuk melaksana atau menunaikan segala hak dan tanggungjawab yang diberi dan dipertanggungjawabkan oleh syara' ke atasnya
    - Orang yang mempunyai kelayakan ini sudah boleh melakukan akad dan segala tindakan yang dilakukan akan melahirkan kesan
    - Asas = Berakal & Mumayyiz



# KELAYAKAN

أهلية الوجوب

KELAYAKAN MENERIMA

أهلية الأداء

KELAYAKAN MELAKSANA

TIDAK SEMPURNA

SEMPURNA

TIDAK SEMPURNA

SEMPURNA

Janin hingga dilahirkan

Dilahirkan hingga  
mumayyiz

Mumayyiz hingga baligh

Baligh dan seterusnya



# Peringkat Kehidupan Manusia dan Kelayakan Diperolehi



# Peringkat Pertama: Peringkat Janin

- Dua sifat
  - Sebahagian daripada ibu
  - Mempunyai nyawa sendiri
- Tidak memiliki dhimmah (ذمة)
- Kelayakan menerima tidak sempurna -  
أهلية الوجوب الناقصة



- Berhak untuk menerima beberapa hak yang tidak memerlukan penerimaan
  - Menerima wasiat, manfaat harta wakaf dan sebagainya
- Tidak boleh menerima hak-hak yang memerlukan jawapan penerimaan
  - Menerima hibah atau hadiah
  - Hak-hak seperti ini memerlukan jawapan penerimaan daripada penerimanya sendiri
    - janin tidak dapat berbuat demikian



- Diiktiraf dan mula berfungsi setelah janin itu dilahirkan dalam keadaan hidup
- Sekiranya dia dilahirkan dalam keadaan mati, kelayakan ini dianggap tidak pernah ada dan tidak berfungsi



# Peringkat Kedua: Kehadiran Sehingga Mumayyiz

- كelayakan menerima sepenuhnya (أهلية الوجوب الكاملة)
  - berhak menerima segala hak dan menanggung segala kewajipan syara'
- Tiada kelayakan melaksana
- Boleh menerima hibah, wasiat dsb
- Wajib membayar zakat atau membayar ganti rugi kerosakan yang dilakukan oleh kanak-kanak dan sebagainya



# Peringkat Ketiga: Mumayyiz Hingga Baligh

- Tujuh tahun
- Kelayakan melaksana tidak sempurna  
(أهلية الأداء الناقصة)
- Asas berakal telah ada tetapi belum sempurna



- Boleh melaksanakan beberapa bentuk tindakan tertentu sahaja
  - Tindakan yang boleh menghasilkan keuntungan dan manfaat kepadanya semata-mata - boleh
    - seperti menerima pemberian atau wasiat
  - Tindakan dalam melaksanakan perkara yang merugikannya - tidak boleh
    - memberi sedekah, hadiah kepada orang lain dan sebagainya
  - Tindakan yang berkemungkinan ada untung dan rugi - boleh dilakukan dengan keizinan wali



# Peringkat Keempat: Baligh dan Cerdik

- Dua kaedah penentuan
  - Fisiologi
  - Umur
- Kelayakan melaksana sepenuhnya  
(أهلية الأداء الكاملة)
- Sudah boleh melaksanakan sendiri segala hak dan kewajipan tanpa bergantung kepada kelulusan atau kebenaran daripada orang lain



# Halangan Kelayakan

## Halangan Kelayakan

Semulajadi

(سماوية)

Tidak Semulajadi

(مكتسبة)

Gila

Kanak-kanak

Hilang ingatan

Sakit kekal

Mabuk

Terlupa

Bankrap



# Tamat

# Teori Hak dan Kelayakan

# Topik 6

# Prinsip-prinsip Asas

# Muamalat:

# Teori Akad

---

**KURSUS SIJIL TINGGI MUAMALAT (ASAS)**  
**Institut Latihan Islam Malaysia**

8 Mac 2011

**Azizi Che Seman**  
[azizi@um.edu.my](mailto:azizi@um.edu.my)  
[azizics@gmail.com](mailto:azizics@gmail.com)

**Jabatan Syariah dan Ekonomi**  
**Akademi Pengajian Islam**  
**Universiti Malaya**



# Sinopsis

- Tajuk ini membincangkan teori akad yang menjadi perkara asas dalam muamalat
- Peserta akan didedahkan dengan definisi, rukun-rukun serta syarat-syarat dalam pembentukan sesuatu akad beserta contoh
- Perbincangan juga akan menyentuh mengenai kepentingan akad dalam Muamalat



- Di akhir topik ini, peserta akan dapat:
  - Memahami konsep akad dalam Islam
  - Menyenaraikan rukun-rukun serta syarat-syarat pembentukan akad dalam Islam



# Pengenalan

- Akad adalah kaedah terpenting pemilikan
- Perbincangan tentang muamalat dalam kitab-kitab turath dibuat berdasarkanuraian terhadap akad-akad muamalat



# Kepentingan Akad

- Menentukan hubungan di antara pihak-  
pihak terlibat
  - Hak
  - Tanggungjawab
- Titik masa kritis penentuan pemilikan
- Halal/haram




# Definisi Akad

- العقد = الربط = ikatan/simpulan
- Keterikatan di antara *ijab* (إيجاب/tawaran) dan *qabul* (قبول/penerimaan) yang menghasilkan implikasi tertentu ke atas subjek akad (*mahall*/ محل/*mahal*)



# Rukun Akad



# Rukun I: Sighah

## ::Kerelaan Sebagai Asas

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ

تَكُونَ تَحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

*Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu*

Al-Nisa' (4:29)



# Rukun I: Sighah

## ::Kerelaan Sebagai Asas

- Tuntutan al-Qur'an → wajib
- Kerelaan
  - tersembunyi → perlu dizahirkan → SIGHAH (tawaran dan penerimaan)
- Akad tanpa sighah → batal
- Kaedah penzahiran → pelbagai
  - Khilaf
    - Bay` al-mu`atah (بيع المعاطاة)



# Rukun I: Sighah

# ljab

# Qabul

# Sighah



# Rukun I: Sighah

- Khilaf tentang ijab dan qabul

Jumhur:  
Penyerahmilikan  
dan Penerimaan  
Pemilikan

Hanafi:  
Kronologi

- Syarat Sighah
  1. Setiap ijab dan qabul semestinya menggambarkan secara jelas kehendak pihak berakad
  2. Qabul hendaklah selaras dengan ijab
  3. Wujud kesinambungan antara ijab dan qabul



# Syarat Sighah

Menggambarkan secara jelas kehendak pihak berakad

Qabul selaras dengan ijab

Kesinambungan antara ijab dan qabul



# Syarat Singhah

Menggambarkan secara jelas kehendak pihak berakad

Kapasiti berakad

Qabul selaras dengan ijab

Kesinambungan antara ijab dan qabul



# Syarat Sighah

**Qabul selaras  
dengan ijab**

Eksplisit

Implisit



# Syarat Sighah

Kesinambungan  
antara ijab dan qabul

Kedua-dua pihak  
yang berakad saling  
memahami apa  
yang diungkapkan  
oleh setiap orang  
daripada mereka;  
dan

Ungkapan ijab dan  
qabul berlaku  
dalam satu majlis.

Pihak penawar  
(المرجب) tidak  
menarik





# Rukun 1: Sighah :: Lisan

- Tiada khilaf
- Hendaklah boleh difahami kedua-dua pihak
- Akad perkahwinan
  - Jumhur: menggunakan perkataan kahwin, nikah dan seumpamanya
  - Hanafi: boleh menggunakan sebarang lafaz



# Rukun 1: Sighah :: Tulisan

- Sama ada oleh kedua-dua pihak atau satu pihak sahaja
- Boleh dilakukan walaupun mampu melafazkan
  - Kecuali akad nikah



# Rukun 1: Sighah :: Isyarat

- Jumhur
  - hanya boleh digunakan jika tidak mampu menggunakan lafaz atau tulisan
- Maliki
  - boleh digunakan walaupun mampu menggunakan lafaz



# Rukun 1: Sighah :: Isyarat

- Tanpa lafaz, tulisan atau isyarat
- Khilaf
  - Syafi'i
    - Tidak sah
    - Tidak menunjukkan kerelaan secara jelas
    - Muta'akhirin Syafi'i
      - Sah
  - Hanafi & Hanbali
    - Sah jika telah menjadi kebiasaan
    - Tidak kira sama ada akad besar atau kecil
  - Sebahagian Maliki
    - Sah walaupun bukan kebiasaan



# Rukun 2: Pihak Berakad

- Orang yang terlibat melakukan akad
- Tidak semua orang layak

KAPASITI (الأهلية)

Tidak boleh  
melakukan akad  
sama sekali

Boleh  
melakukan  
beberapa jenis  
akad tertentu  
sahaja

Boleh terlibat  
dalam semua  
jenis akad  
secara mutlak

AUTORITI (الولاية)



# Rukun 3: Subjek Akad (المعقود عليه)

- Subjek yang menjadi tempat terhasilnya implikasi serta kesan akad tersebut
  - Material
    - harta seperti barang jualan, hadiah dan seumpamanya
    - bukan harta seperti perempuan dalam akad perkahwinan
  - Bukan material
    - seperti manfaat rumah dalam akad sewa (ijarah), kerja dalam akad upah, wakalah dan mudarabah dan sebagainya



# Syarat-syarat Subjek Akad

1. Sesuatu yang tidak bercanggah dengan kehendak akad itu sendiri dan mengikut hukum syara'
2. Subjek tersebut ada sewaktu akad itu dilakukan.
3. Subjek akad dimaklumi oleh pihak-pihak yang berakad
4. Subjek akad boleh diserahkan kepada pihak yang berkenaan pada waktu yang ditetapkan



# 1. Tidak bercanggah dengan kehendak akad

- Sekiranya akad yang dilakukan itu tidak memberi kesan kepada subjek yang diakadkan, maka akad itu tidak sah
- Percanggahan dengan kehendak akad
  - perkara-perkara yang ditegah oleh syara'
    - bangkai, arak, babi dan sebagainya.
  - bercanggah dengan hukum sesetengah jenis akad tertentu sahaja
    - sesuatu yang cepat rosak dan tidak tahan lama tidak boleh digadaikan



## 2. Wujud

- Sesuatu yang dianggap mustahil kewujudannya tidak boleh dijadikan subjek akad
  - menjual rumah yang sudah terbakar
- Kewujudan subjek akad tidak disyaratkan jika subjek itu dalam bentuk manfaat
  - akad sewaan



- Hanafi dan Syafi'i
  - syarat ini diperlukan dalam semua bentuk akad
    - pertukaran (الماوضيات)
    - bukan pertukaran (تبرعات)
    - Pengecualian - salam, istisna', ijarah dan musaqah
      - Keperluan masyarakat
      - Pengiktirafan syara' secara jelas



- **Maliki**
  - Syarat ini hanya diperlukan dalam akad pertukaran sahaja
  - Akad tabarru' - syarat kewujudan subjek akad semasa akad tidak diperlukan
    - hibah, waqf, rahn boleh dilakukan dengan subjek yang bakal diwujudkan atau berkemungkinan wujud pada masa hadapan



- Hanbali

- Syarat kewujudan subjek semasa akad tidak diperlukan
- Hanya menetapkan bahawa transaksi tidak boleh dilakukan jika terdapat unsur gharar (ketidakpastian) yang besar yang dilarang oleh syara’
  - menjual kandungan dalam perut induk yang bunting dan seumpamanya



- Hanbali (samb)
  - Transaksi ke atas sesuatu yang tidak wujud semasa akad adalah sah
    - menjual rumah yang belum dibina berdasarkan lakaran di atas kertas
  - Tidak terdapat sebarang larangan tentang transaksi ke atas sesuatu yang tidak wujud dalam dalil-dalil syara'
  - Larangan yang wujud adalah berkaitan dengan transaksi yang berunsurkan gharar dalam erti kata sesuatu yang tidak mampu diserahkan
  - Oleh itu ‘illah larangan adalah kerana ketidakmampuan penyerahan dan bukan kerana ketidakwujudan



### 3. Dimaklumi

- Sesuatu yang tidak dimaklumi keadaannya oleh pihak-pihak berakad sehingga boleh menimbulkan masalah dan perbalahan sesama mereka tidak boleh dijadikan subjek akad
- Berkait rapat dengan kerelaan
- Mendapatkan maklumat
  - melihat sendiri
  - meneliti segala keterangan mengenainya



## 4. Boleh diserahkan

- Akad pertukaran - dipersetujui semua fuqaha'
- Akad tabarru` - jumhur selain mazhab Maliki sahaja



# Pembahagian Akad



- Akad yang memenuhi kesemua rukun dan syarat.
- Kesan akad terhasil





- Akad yang tidak memenuhi satu atau lebih rukun dan syaratnya
- Kesan akad tidak berhasil



- Akad yang mempunyai kecacatan pada syarat akad dan tidak pada rukunnya
- Boleh dibaiki dengan memperbetulkan kecacatan

# Tamat

# Teori Akad

102



# Terima Kasih

Azizi Che Seman  
[azizi@um.edu.my](mailto:azizi@um.edu.my)  
[azizics@gmail.com](mailto:azizics@gmail.com)

Jabatan Syariah dan Ekonomi  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

